

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN “<i>REQUEST FOR PROPOSAL</i> (RFP)” BAGI PERKHIDMATAN PENENTUSAHAN DI BAWAH AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972
--

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI**

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

TAWARAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN “REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)” BAGI PERKHIDMATAN PENENTUSAHAN DI BAWAH AKTA TIMBANG DAN SUKAT 1972

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan dan Syarat Kepada Pemohon bagi **Permohonan “Request For Proposal (RFP)” Bagi Perkhidmatan Penentusahan Di Bawah Akta Timbang Dan Sukat 1972. KEGAGALAN MEMATUHI** mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah syarikat tempatan yang berdaftar, dimiliki **sepenuhnya (100%) oleh warganegara tempatan** dan diperbadankan di bawah kategori Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) atau Berhad (Bhd.).
- (ii) Pemohon memiliki Sijil Pendaftaran Perbendaharaan (Sijil MOF) dengan **Kod Bidang 222704** (Persijilan dan Pengiktirafan Ujian).
- (iii) Pemohon hendaklah memastikan **sekurang-kurangnya 30%** daripada pegangan ekuitinya dimiliki oleh **Bumiputera**.
- (iv) Pemohon **WAJIB** hadir ke sesi taklimat RFP mengikut ketetapan tarikh dan masa yang ditetapkan.
- (v) Pemohon mempunyai kemampuan jangka masa panjang dari skop kewangan, keupayaan teknikal, tenaga kerja dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan serta tenaga kerja yang kompeten dalam bidang pengujian atau penentusahan apa-apa timbang, sukat, alat timbang atau sukat.
- (vi) Pemegang saham, pemilik syarikat, dan ahli Lembaga Pengarah syarikat tidak mempunyai sebarang prosiding Mahkamah dan tidak disenarai hitam oleh mana-mana pihak berkuasa, sama ada berkaitan jenayah atau kebangkrapan.
- (vii) Pemohon hendaklah mempunyai modal berbayar (*paid-up capital*) sekurang-kurangnya sebanyak RM3 Juta.

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT

2. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Dokumen RFP

- (i) Borang Permohonan dan semua dokumen RFP yang telah dilengkapi hendaklah dihantar **SECARA SERAHAN TANGAN** kepada Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Bahagian Penguat Kuasa, Aras 3 (Menara), KPDN Putrajaya **selewat-lewatnya pada 2 Julai 2026 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengahari**.
- (ii) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.

3. Skop Perkhidmatan / Spesifikasi Kerja

Skop perkhidmatan / spesifikasi kerja bagi Permohonan "*Request For Proposal* (RFP)" Bagi Perkhidmatan Penentusahan Di Bawah Akta Timbang Dan Sukat 1972 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

4. Dokumen Permohonan

a) Tatacara Pengisian dan Penghantaran Borang Permohonan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapi Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (ii) Borang Permohonan hendaklah dilengkapi dengan **KEMAS dan JELAS** serta menggunakan pen berdakwat **hitam** dan ditulis dengan **huruf besar (*capital letter*)** atau **ditaip**;
- (iii) Borang Permohonan/ Kertas Cadangan dan dokumen berkaitan yang dikemukakan perlu dicetak di atas **kertas berwarna putih, bersaiz A4**;
- (iv) Semua permohonan hendaklah dikemukakan di dalam **Bahasa Melayu** kecuali dokumen sokongan yang disediakan oleh syarikat antarabangsa.
- (v) **SEMUA** Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan hendaklah dilampirkan **BERSAMA** di dalam **satu (1) SAMPUL** yang sama serta dihantar secara **SERAHAN TANGAN** ke alamat pejabat seperti berikut:

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Bahagian Penguat Kuasa
Aras 3 (Menara), No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 KPDN PUTRAJAYA.

- (vi) Sebarang dokumen yang dihantar berasingan **TIDAK AKAN DITERIMA**; dan
- (vii) KPDN berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

b) Senarai Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Oleh Pemohon

- (i) LAMPIRAN D - Borang permohonan;
- (ii) LAMPIRAN C (muka surat 7-12) - Jadual Syarat-Syarat Perkhidmatan dan Spesifikasi Kerja;
- (iii) Salinan Lesen Pendaftaran Syarikat (SSM) terkini;
- (iv) Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) terkini dengan kod bidang 222704 (Persijilan dan Pengiktirafan Ujian);
- (v) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera;
- (vi) Salinan penyata kewangan syarikat bagi tempoh 3 bulan terkini (bulan Mac 2026 – Mei 2026. Wajib disahkan oleh institusi kewangan/bank;
- (vii) Salinan Sijil pematuhan cukai (TCC) terkini yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);
- (viii) LAMPIRAN 12 - Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (Beneficial Ownership Declaration Form) yang telah lengkap diisi;
- (ix) LAMPIRAN 13 - Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa yang telah lengkap diisi;
- (x) Maklumat mengenai bidang kepakaran / keupayaan tenaga kerja Pemohon sedia ada;

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT

- (xi) Pelan dan jadual pembangunan yang mengariskan serta menerangkan mengenai perancangan bagi melaksanakan perkhidmatan penentusahan;
- (xii) Cadangan nilai tambah yang bersesuaian bagi perkhidmatan penentusahan ini; dan
- (xiii) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi menyokong permohonan yang dikemukakan.

5. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST)

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah **dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari** daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

6. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- b) Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai permohonan sebut harga ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta 694.
- c) Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta 694.
- d) Pemohon yang berminat menyertai tawaran mengemukakan sebut harga ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

LAMPIRAN B: ARAHAN DAN SYARAT

7. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,
Bahagian Penguat Kuasa,
Aras 3 (Menara), No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 PUTRAJAYA.**

Untuk Perhatian:

- i. **Unit Metrologi Sah, SKKI**
E-mel: ums_bpgk@kpdn.gov.my
- ii. **Tuan Muhamad Radzi bin Johari**
No. Tel: 03 – 8882 6347
E-mel: radzi@kpdn.gov.my
- iii. **Puan Tilma binti Samsi**
No. Tel: 03 – 8882 6256
E-mel: tilma@kpdn.gov.my
- iv. **Tuan Mohd Kamal Rafidi bin Mohd Yusof**
No. Tel: 03 – 8882 6256
E-mel: kamalrafidi@kpdn.gov.my
- v. **Tuan Rohaizat bin Shahabudin**
No. Tel: 03 – 8882 6256
E-mel: rohaizat@kpdn.gov.my

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)